

0038

R 0006 DEB

PM - es

(1)

OLEH RACHMAN NORDIN

1984

NEW YORK, 10 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI MENCECAM KUASA-KUASA BESAR KERANA TERUS TIDAK MENGHIRAUKAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN MEMBENTUK SATU RANGKAIAN PERHUEUNGAN DI LUAR BADAN DUNIA ITU BAGI MENYELESAIKAN MASALAH DUNIA.

BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGONG KE 39 BANGSA-BANGSA BERSATU DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA TELAH MENUBUHKAN KELAB EKSKLUSIF DAN DARI MASA KE MASA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DIBENARKAN MENGEMUKAKAN RAYUAN KEPADA KELAB ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KELAB ITU, SEPERTI KELAB-KELAB EKSKLUSIF YANG LAIN AMAT MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN ANGGOTA-ANGGOTANYA.

DALAM PADA ITU, DALAM BIDANG EKONOMI DAN POLITIK KEPENTINGAN BANGSA-BANGSA BERSATU TERUS TIDAK DIHIRAUKAN.

SESUNGGUHNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA ANGGOTA DAPAT MENYAKSIKAN SESUATU YANG LEBIH NEGATIF KHUSUSNYA ANCAMAN UNTUK KELUARDARI BEBERAPA BUAH AGENSI BADAN DUNIA ITU. - LAGI.

0016MST 11 10 84

R 0007 DEB

PM - BB NEW YORK

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK PUASHATI MENGENAI ARAHAN PUCUK PIMPINAN AGENSI-AGENSI ITU DAN ANCAMAN OLEH KUASA-KUASA BESAR YANG KADANGKALA DIBUAT KONONNYA KERANA MASALAH PENGURUSAN ATAU BELANJAWAN.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA NEGARA-NEGARA YANG LEBIH KECIL DAN MISKIN JUGA MEMBERI BANTUAN WANG.

KATANYA, +APA YANG KAMI SUMBANGKAN MUNGKIN TIDAK BESAR TETAPI DARI SEGI BELANJAWAN KAMI IANYA ADALAH BESAR JUGA - KADANGKALA LEBIH PERERTI DARI SUMBANGAN NEGARA-NEGARA BESAR.

+KAMI TIDAK MAHU MELIHAT SESIAPA MELESAPKAN WANG KITA SEPERTI JUGA NEGARA-NEGARA KAYA, + TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG INGIN DILIHAT OLEH NEGARA-NEGARA KECIL IALAH BUKANNYA BERJIMAT MENERUSI KEHANCURAN AGENSI-AGENSI ITU.

BELIAU BERKATA +APA YANG KAMI INGIN LIHAT IALAH PEMBETULAN MENYELURUH SISTEM ITU BAGI MENENTUKAN TANYA BERKESANDARI SEGI KOS DAN MENCAPAI MATA LAMAT YANG DIPERSETUJUI. +-

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERBUATAN MELEMAHKAN AGENSI ITU TENTUNYABUKAN CARA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH DAN BELIAU MAHU SUPAYAPANDANGAN SINGKAT INI DIHENTIKAN SEGERA.

BELIAU MENYERU PERHIMPUNAN ITU +MENGIKRARKAN DIRI KITA SEKALI LAGI KEPADA BANGSA-BANGSA BERSATU DAN MEMBUT PENILIAN YANG PRAKTIKAL DAN REALISTIK KE ARAH MANA YANG KITA AKAN TUJU. +

PERDANA MENTERI MENEGASKAN HAKIKAT BAHAWA PEMBANGUNAN SETERUSNYA BANGSA-BANGSA BESATU BERGANTUNG PALING UTAMA PADA SIKAP KUASA-KUASA BESAR.

KATANYA, +MEREKALAH YANG BERADA DALAM KEADAAN MENENTUKAN MASA
D E P A N PERTUBUHAN INI.

+INI KERANA KUASA-KUASA BESAR TIDAK BOLEH DIKETEPIKAN.+

+USUL-USUL BANGSA-BANGSA BERSATU BOLEH DIKETEPIKAN,
NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LEMAH BOLEH DIKETEPIKAN SEBAGAIMANA
SERING BERLAKU+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERNYATAKAN PERHIMPUNAN ITU SAMA ADA
KUASA-KUASA BESAR MAHUKAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENJADI SEBUAH BADAN
YANG SEWAJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BANGSA-BANGSA BERSATU BOLEH
MENJADI SEBUAH PUSAT BAGI WENYELESAIKAN KEPENTINGAN YANG BERCANGGAH
DAN MENJADI PERANGSANG BAGI PERUBAHAN DAMAI.

BELIAU SEKALI LAGI BERTANYAKAN PERHIMPUNAN ITU: +ADAKAH
KUASA-KUASA BESAR AKAN MENINGGALKAN BANGSA-BANGSA BERSATU KERANA
MEREKA TIDAK LAGI DAPAT MENGUASAINYA?+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA KECIL TERPEGUN
MELIHAT BETAPA TIDAK BERKESANNYA BADAN DUNIA ITU YANG TELAH LUMPUH
DALAM HENDAK MENYELESAIKAN BANYAK ISU KERANA KUASA-KUASA BESAR
MENGHALANG TINDAKAN YANG BERKESAN.

TETAPI, KATA PERDANA MENTERI, MALAYSIA SENTIASA BERPENDAPAT
SEBAGAIMANA KUASA-KUASA BESAR MESTI MENGELAK DARI MEMENCILKAN
NEGARA-NEGARA KECIL MENERUSI DASAR-DASAR MEREKA YANG MENGHALANG, -
NEGARA-NEGARA KECIL PULA MESTILAH JUGA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP
KETIDAKBERKESANAN BADAN ITU.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA KECIL MESTILAH MENGHALANG PEMULAUAN
KUASA-KUASA BESAR TERHADAP BANGSA-BANGSA BERSATU DENGAN MELAKSANAKAN
SECARA BERSEPAKAT KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DIBUAT DENGAN UNDI
MAJORITI.

PERDANA MENTERI BERKATA +BERUCAP SEBAGAI WAKIL SEBUAH NEGARA
MEMBANGUN YANG KECIL SAYA AMAT MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA USUL
BANGSA-BANGSA BERSATU YANG DICAPAI MENERUSI UNDI MAJORITI MENGIKUT
DASAR KUMPULAN, POLITIK ATAU IDEOLOGI DENGAN SENDIRINYA TIDAK BOLEH
MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH+.

BELIAU BERKATA JIKA BANGSA-BANGSA BERSATU HENDAK MEMBERI
SEBARANG ERTI, MESTILAH BERDIRI TEGAS ATAS PRINSIP DAN AKAN
MELAKUKAN PENYESUAIAN DAN KOMPROMI MENGENAI CARA, PROSES DAN BENTUK.

BELIAU MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU BAHAWA +ADALAH SATU
KEPURA-PURAAAN JIKA ADA YANG MENUDUH KITA SEBAGAI EMOSIONAL DAN TIDAK
REALISTIK, TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAU TIDAK MANASABAH HANYA KERANA
PRINSIP ITU TIDAK SESUAI BAGI KUASA-KUASA BESAR.+

PERDANA MENTERI ADALAH PEMIMPIN KETIGA BERUCAP HARI INI.
UCAPANNYA MELIPUTI BERBAGAI PERKARA TERMASUK SOAL ANTARTICA,
KEBANGKITAN ISLAM, KAMPUCHEA DAN SELAT MELAKA.- BERNAMA.

0415 MBT-11 10 84
D058